

# Dettol Beri Sumbangan RM25,000 Kepada MyKasih

3 AUG 2013, 12:00AM | NANI | UTAMA > BERITA ARTIS >



Kongsi Article Ini:

New

Inisiatif jenama antiseptik terkemuka, Dettol untuk membantu Yayasan MyKasih mendapat sambutan yang memberangsangkan apabila pakar perlindungan terhadap bakteria dan kuman ini berjaya mengumpul dana sebanyak RM25,000 menerusi program amal Ramadan yang dilancarkan pada sebulan lalu. Dana tersebut berjaya dikumpul hasil daripada setiap pembelian produk Dettol bernilai RM20 di mana RM0.50 didermakan kepada kempen amal tersebut.

“Ramadan merupakan masa yang baik untuk kita beramal. Justeru, kehadiran kempen ini menjadi lebih bermakna apabila hasil yang diperoleh disalurkan kepada badan-badan kebajikan sekaligus menjadikan sambutan Hari Raya lebih meriah untuk semua. Kami juga amat berbesar hati kerana berjaya menyebarkan mesej serta menggalakkan pengguna kami untuk mengamalkan tabiat kebersihan yang baik menjelang Aidilfitri nanti,” ujar Pengarah Jualan Reckitt Benckiser, Raghu Krishnan ketika ditemui pada majlis penyerahan replika cek di Giant Bandar Kinrara, Puchong, baru-baru ini.

Majlis penutup program amal Ramadan Dettol ini turut dimeriahkan dengan kehadiran kanak-kanak dari Yayasan MyKasih membuat demonstrasi tujuh langkah penting untuk

mencuci tangan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Besar Pemasaran GCH Retail, Norine Majaman dan Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera.



"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Dettol kerana menjadikan MyKasih sebahagian daripada program amal ini. Sumbangan yang diperoleh akan kami gunakan untuk program MyKasih 'Love My Neighbourhood' di mana mereka yang kurang bernasib baik dapat meraikan Syawal ini dengan penuh ceria," ujar Jeffrey menganggap pemberian ini sesuatu yang bermakna apatah lagi di bulan Ramadan ini.

Tidak ketinggalan dalam memberi sokongan terhadap kempen amal ini ialah personaliti TV Azura Zainal, pelakon Siti Saleha, Miss Tourism International 2011 Gabriella Robinson dan Miss World Malaysia 2011, Chloe Chen.

"Saya rasa berbesar hati dan terharu kerana dapat menjadi sebahagian daripada acara amal ini bersama-sama dengan selebriti lain. Bagi saya, usaha dan inisiatif Dettol dalam mengadakan aktiviti amal seperti ini adalah sangat baik lebih-lebih lagi ia dilakukan pada bulan yang mulia ini. Dettol merupakan satu jenama terkemuka dan dengan sambutan kempen tersebut yang sangat memberangsangkan, saya rasa usaha ini wajar diteruskan pada masa akan datang," ujar Siti Saleha ketika ditemui sejurus selesai majlis.

[http://www.gua.com.my/berita-artis/Dettol\\_Beri\\_Sumbangan\\_RM25\\_000\\_Kepada\\_MyKasih.html](http://www.gua.com.my/berita-artis/Dettol_Beri_Sumbangan_RM25_000_Kepada_MyKasih.html)